



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/91 JLD3 (64)

Tarikh : 7 Julai 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan,

**SENARAI AKAUN BELUM TERIMA (DOKUMEN INVOIS SISTEM IGFMAS) YANG MASIH
BELUM SELESAI SEHINGGA 30 JUN 2022**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, rekod Akaun Belum Terima (ABT) perlu dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan ke atas transaksi ABT di jabatan masing-masing. Untuk tujuan mengakaun dan memudahkan pemantauan transaksi ABT, Sub Modul Invois berserta Laporan Berkaitan ABT (*Invois*) telah diwujudkan di Modul Terimaan Sistem iGFMS dan telah digunakan oleh PTJ bermula bulan Januari 2018.

3. Bagi tujuan pemantauan berterusan ke atas transaksi ABT yang melibatkan invois ini, JANM Pahang telah menyemak Laporan Invois Yang Belum Selesai untuk tempoh Januari 2018 sehingga 30 Jun 2022 dan mendapati terdapat transaksi invois yang masih belum diselesaikan oleh pihak pelanggan / pembayar (***Rujuk Maklumat Senarai invois Belum Selesai Sehingga Tempoh 30 Jun 2022 di Lampiran A***).

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak PTJ adalah diperlukan untuk menyemak senarai yang dikemukakan (***Lampiran A***) dengan Laporan Invois Terperinci di Sistem iGFMS. PTJ juga diminta untuk mengemukakan maklumbalas tindakan susulan yang diambil bagi setiap transaksi invois yang disenaraikan sebelum/pada **24 Julai 2022**. Tindakan ***SEGERA*** bagi menyelesaikan invois tersebut adalah diperlukan bagi memastikan transaksi ABT dapat diselesaikan sewajarnya. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, sila berhubung dengan pegawai seperti berikut di talian:

- | | |
|--|--------------|
| - Puan Farah Kartini Binti Mohamed | - 09-5915029 |
| - Puan Noor Afizawati binti Zakaria | - 09-5915023 |
| - Puan Ros Lianatrah Binti Aman Tubillah | - 09-5915023 |

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(BOKHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang